

Matlamat kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian Ketiga – PM Tingkat upaya bumiputera

UM - 19/8/2006

Oleh ASUKI ABAS
dan MUSTAFA KAMAL BASRI

KUALA LUMPUR 18 Ogos – Pelan Induk Perindustrian Ketiga (PIP3) yang dilancarkan hari ini menekankan usaha ber-sungguh-sungguh kerajaan - dalam tempoh kritikal 15 tahun ini - untuk meningkatkan keupayaan bumiputera dalam ekonomi negara.

Penekanan itu mempunyai signifikannya tersendiri kerana ia merupakan usaha terakhir kerajaan bagi menyeimbangkan jurang perbezaan antara etnik sebelum Malaysia memasuki era negara maju.

Perlu diingat, PIP3 ini akan berakhir menjelang 2020 - tahun yang ditetapkan Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju.

"Status negara maju hanya bermakna jika kekayaan dinikmati secara seimbang. Kemakmuran dengan ketidakseimbangan yang berterusan adalah tidak adil dan juga tidak lestari untuk tempoh jangka panjang," kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa melancarkan PIP3 di sini, hari ini.

PIP3 yang diperuntukkan selama 15 tahun bermula tahun ini juga merupakan fasa terakhir rangka induk perindustrian Malaysia bagi mencapai status negara maju pada 2020.

Ia merupakan kesinambungan kepada PIP1 yang berlangsung antara 1986 dan 1995 serta PIP2 antara 1996 dan 2005.

Justeru, Abdullah berkata, pembangunan komuniti perindustrian dan komersial bumiputera (BCIC) yang berdaya tahan dan kompetitif mustahak dan perlu dilaksanakan untuk menambah baik kemampuan perusahaan bumiputera.

Menurut Perdana Menteri, PIP3 akan dijadikan panduan utama bagi merapatkan jurang antara kaum dalam tiga teras ekonomi iaitu pengeluaran, perkhidmatan dan pertanian, yang dijadikan asas kemajuan negara dalam tempoh 15 tahun akan datang.

"Bagi menangani isu-isu berkaitan keseimbangan pembangunan sosioekonomi, PIP3



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Jamaludin Jarjis (tengah) dan Mahdzir Khalid melihat replika MSC Malaysia Cybercity @ Kulim Hi-Tech Park selepas melancarkannya di Kulim, Kedah, semalam. [Berita di muka 2]

Tingkat upaya bumiputera

membantu mengenal pasti peluang untuk mengurangkan jurang antara etnik dalam keusahawanan, pemilikan aset-aset produktif dan pekerjaan.

"Masyarakat bumiputera sudah menunjukkan peningkatan yang agak besar tetapi lebih banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memperbaiki daya tahan perusahaan mereka," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera berdaya tahan serta berdaya saing adalah penting bagi mencapai kestabilan sosial, elemen utama dalam pembangunan dan kemakmuran.

Selain itu, masyarakat saintifik dan teknologi bumiputera yang semakin bertambah juga perlu terus disokong dan ditingkatkan, tambahnya.

"Sehubungan itu, semua kementerian-

an dan agensi yang ditugaskan untuk membangunkan perdagangan serta perindustrian harus mencari jalan membina bagi menggalakkan penglibatan bumiputera yang bermakna dalam ekonomi.

"Perhatian khusus perlu diberikan bagi meningkatkan keupayaan dan minda, kemudahan pembiayaan serta program sokongan lain," tegas beliau.

Abdullah berkata, sasaran pembangunan ekonomi yang seimbang itu juga boleh dicapai melalui kerjasama tulen termasuk usaha sama dan perikatan strategik antara entiti bumiputera dan bukan bumiputera.

"Kerjasama seperti itu akan menjana sinergi serta meningkatkan daya saing syarikat-syarikat berkenaan, bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk menghadapi persaingan di

peringkat antarabangsa," jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, PIP3 diunjur meningkatkan daya saing Malaysia dalam ketiga-tiga teras ekonomi di persada antarabangsa.

"Menjelang 2020, Malaysia akan disokong oleh tiga teras ekonomi yang kukuh iaitu pertama, sektor pengeluaran yang matang serta meluas; kedua, sektor perkhidmatan yang inovatif dan berdaya saing serta ketiga, sektor pertanian yang moden dan dinamik," kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata, teras pertama dan ketiga iaitu pengeluaran dan perkhidmatan memiliki sinergi untuk dimajukan bersama bagi menjana kemajuan negara.

"Pada pandangan saya, industri asas-tani memiliki potensi untuk muncul sebagai komponen yang amat penting dalam sektor pengeluaran.

"Saya amat mengharapkan perhatian yang diberikan kepada 'pertanian baru' ini akan mencetuskan tahap keusahawanan yang lebih tinggi di kalangan masyarakat perladangan serta industri asas-tani tempatan yang lebih meluas."

Beliau mengunjurkan sektor pembuatan dan pertanian masing-masing berkembang sebanyak enam peratus dan 5.2 peratus sepanjang tempoh PIP3.

Perdana Menteri berkata, ekonomi negara-negara maju secara amnya didorong oleh pembangunan sektor perkhidmatan yang dikenal pasti sebagai teras kedua.

Katanya, sektor perkhidmatan bukan kerajaan diunjurkan berkembang sebanyak 7.5 peratus setahun sepanjang PIP3.